

TARIKH	8 / 5 / 2015	SEKSYEN	Dalam negeri
MUKA SURAT	3	RUANGAN	

## Tabung Haji buat laporan polis dokumen sulit dibocorkan

**KUALA LUMPUR 7 Mei** - Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) membuat laporan polis terhadap sebuah laman blog yang membocorkan dokumen kertas cadangan urusan pembelian tanah di pusat kewangan Tun Razak Exchange (TRX).

Laporan di Balai Polis Dang Wangi pada pukul 4.24 petang itu dibuat sendiri oleh Timbalan Pengarah Urusan yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Johan Abdullah.

Menurut Johan, pembocoran maklumat sulit oleh blog itu adalah

kesalahan yang serius dan pihaknya juga kesal kerana banyak fakta telah dimanipulasi.

"Ini adalah dokumen sulit. Penyebaran dokumen sulit itu juga telah memanipulasikan fakta dan telah menimbulkan kekeliruan terhadap orang ramai," katanya dalam

sidang akhbar di sini hari ini.

Antara kandungan laporan polis itu adalah pelaburan Tabung Haji tersebut sudah melalui kesemua proses dalaman, menurut peraturan dengan mendapat kelulusan yang betul dan teratur.

"Pembelian tanah tersebut ada-

lah dengan harga RM188.5 juta setelah mendapat potongan pada kadar pasaran semasa sebagai yang dinilai oleh penilai bebas profesional di dalam pengetahuan saya," katanya.

Kata Johan, selain laporan polis berkenaan, Tabung Haji juga akan

melakukan siasatan dalaman agar perkara itu tidak berulang pada masa depan.

Dalam pada itu, Johan enggan mengulas sama ada pembocoran maklumat itu ada kaitan dengan Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Permatang Pauh.